

5 Disember: Hari Bersejarah Nasional dan Global

"5 Disember setiap tahun adalah hari kebangsaan yang penting, kerana ini adalah 1. hari peringatan Hari Ulang Tahun Raja Rama IX, 2. Hari Kebangsaan Thailand, dan 3) Hari Bapa," kata Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha, semasa ucapan kenegaraan mingguannya yang berlangsung pada Jumaat.

Perdana Menteri menekankan lagi bahawa 5 Disember adalah hari di mana rakyat memperingati sumbangan Almarhum Raja Bhumibol kepada seluruh rakyatnya dan kebajikannya yang tidak terbatas untuk negara. Beliau kemudian mengundang rakyat Thai untuk menyatakan rasa terima kasih mereka kepada Raja Rama IX dan datang bersama-sama dalam perpaduan untuk meneruskan cita-cita dan membawa negara ini lebih dekat dengan pembangunan mampan.

Menurut Perdana Menteri, 5 Disember adalah hari penting lain di seluruh dunia, kerana Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) menyatakan hari ini sebagai Hari Tanah Sedunia, bersempena dengan Ulang Tahun Raja Rama IX, untuk mengenang jasanya dalam melihara sumber semula jadi. Kesatuan Antarabangsa Sains Tanah (IUSS) memberikan anugerah Saintis Tanah Kemanusiaan pertama kepada Raja Bhumibol, untuk menggambarkan pentingnya pemuliharaan sumber tanah dan, dengana demikian menyumbang kepada keselamatan makanan global.

Pada kesempatan penting ini, Jeneral Prayut turut mengimbas ucapan diraja oleh Raja Rama IX dalam tahun 2000, yang membentuk sebahagian penting daripada falsafah Raja tersebut dan rakyat Thai sewajarnya menghayatinya untuk kebaikan Thailand. Baginda berkata, "Negara kita memerlukan penambahbaikan dan pembangunan. Salah satu cara kita boleh membantu negara adalah dengan mempunyai cara pemikiran yang betul, berdasarkan kepentingan bangsa, dan melepaskan kepentingan diri, dan konflik yang timbul dari hal-hal yang tidak penting."

Perdana Menteri membuat kesimpulan bahawa, sepanjang tujuh dekad pembangunan negara, Raja Bhumibol menyumbang kepentingan yang amat besar kepada pembangunan sumber manusia, menekankan bahawa ia adalah penting untuk pembangunan negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menumpukan pada peningkatan kualiti hidup untuk semua rakyat, bermula pada peringkat permulaan, dan kemudian secara bertahap membangun kestabilan untuk pembangunan masa depan dan perubahan sosial dan ekonomi yang akan datang, sehingga rakyat dapat berdikari, yang menjadi dasar untuk pembangunan mampan.

- Berita diterbitkan: 27 Disember 2017